



Sedia mesin layan diri tuala wanita

Oleh **Noorazura Abdul Rahman** - Mei 18, 2023 @ 10:35am
bhnews@bh.com.my



Mesin layan diri menyediakan tuala wanita di kampus untuk mudahkan pelajar membelinya.

PreviousNext

KUALA NERANG: Seorang pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pulau Pinang mengambil inisiatif membantu golongan 'kemiskinan haid' termasuk mengagihkan tuala wanita percuma di kawasan luar bandar bagi meringankan beban mereka.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Infrastruktur), Dayana Batrisyia Dino Mazali, 21, berkata idea berkenaan tercetus selepas dia perlu membuat tugasannya mata pelajaran pengucapan awam pada semester kedua berkaitan masalah yang dihadapi pelajar di kampus.

"Dalam perbincangan tugasannya kumpulan, saya cadangkan agar diwujudkan mesin layan diri tuala wanita di tandas pelajar perempuan berikutnya kami sentiasa menghadapi masalah untuk beli tuala wanita apabila berada di kolej."

"Selepas saya teliti lagi, saya mula sedar dan cari idea untuk tangani kos tuala wanita yang tinggi bagi keluarga yang kurang berkemampuan.

"Idea ini saya mula realisasikan pada Semester Tiga apabila saya mengisi borang pertandingan syarikat penjagaan diri, pada November tahun lalu, pertandingan itu memerlukan saya memberikan idea sumbangan yang boleh dilakukan kepada komuniti," katanya ketika ditemui selepas menyerahkan sumbangan di sebuah sekolah di sini, baru-baru ini.

Dayana berkata, dalam borang pertandingan itu dia memberikan idea mengenai bantuan kepada golongan yang kemiskinan haid kerana sedar tidak semua ibu bapa berkemampuan terutama bagi mereka yang mempunyai anak perempuan yang ramai di kawasan luar bandar.

"Saya tak sangka cadangan saya itu diterima dan saya layak menyertai pertandingan syarikat berkenaan. Syarikat berkenaan turut memberikan geran sebanyak RM8,000 untuk saya realisasikan projek saya bersama rakan," katanya

Mesin layan diri tuala wanita

Bercerita lanjut, Dayana berkata projek berkenaan kemudiannya mendapat kerjasama penuh daripada UiTM dan sebahagian geran itu diperuntukkan untuk membeli mesin layan diri tuala wanita yang kini sudah dipasang di sebuah tandas pelajar perempuan di kampus Permatang Pauh, Pulau Pinang.

Katanya, sebahagian lagi geran itu akan digunakan untuk mengajihkan tuala wanita kepada golongan yang kurang berkemampuan.

"Setakat ini, disebabkan masa yang singkat kami perlu habiskan geran daripada penaja sehingga Sabtu lalu, jadi kami hanya sasarkan kawasan berdekatan iaitu Pulau Pinang dan Kedah," katanya.

Pengalamannya berkaitan kemiskinan haid ketika menyertai badan bukan kerajaan (NGO) bersama ibunya, Fadzilah Halim, 49, yang selalu beri bantuan kepada orang memerlukan.

"Di sini, ada yang terpaksa pilih antara makanan atau tuala wanita terutamanya keluarga yang ramai anak perempuan," katanya yang berasal dari Kuala Nerang.

Anak sulung daripada tiga beradik ini, berkata setakat ini dia sudah menyerahkan 282 bungkus tuala wanita kepada 141 penerima meliputi murid sekolah rendah di Padang Terap, selain turut berkongsi maklumat mengenai haid supaya mereka tidak perlu berasa malu serta menekankan mengenai kepentingan kebersihan diri ketika haid.



Dayana menggunakan geran untuk menaja pemberian tuala wanita percuma kepada pelajar yang kurang berkemampuan.

Katanya, tuala wanita juga diedarkan kepada rumah anak yatim di Padang Terap dan Kuala Muda serta sebuah pusat pengajian tahfiz di Sik.

"Sekarang saya antara lima peserta finalis. Selepas ini saya boleh memilih sama ada untuk teruskan projek ini atau serahkan projek ini kepada orang lain.

"Bagaimanapun, saya dan rakan tetap berharap projek ini kami dapat teruskan dan UiTM juga terbuka untuk membantu kami di masa depan," katanya.